

LAPORAN DOKUMENTASI BENGKEL WAU KREATIF
31 JANUARI 2024
AMERICAN CORNER KELANTAN, PPI UMK BACHOK

NAMA PENULIS:

1. Sudirman Kiffli
2. Daeng Haliza Daeng Jamal

*Pensyarah di Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, UMK Bachok.

1.0 PENGENALAN

Wau merupakan salah satu permainan tradisional yang popular dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan, selain permainan Gasing, Congkak, Guli, Batu Seremban dan Dam Haji. Permainan wau lebih tertumpu di dalam kehidupan masyarakat desa yang selalunya dimainkan di kawasan-kawasan pertanian, terutamanya kawasan tanaman padi dan sekitar pesisir pantai. Hal ini demikian kerana permainan wau dikaitkan dengan kepercayaan orang-orang dahulu kepada semangat padi. Bagi orang-orang Melayu dahulu, selepas menuai padi, wau akan dimainkan untuk memberi hiburan kepada dewa atau semangat padi. Jika sekiranya tidak dilakukan pemujaan atau upacara Kerja Padang, mereka percaya bahawa mereka ditimpa malapetaka atau sesuatu perkara yang tidak baik ke atas kehidupan mereka. Menurut Fieda (2003), kepercayaan masyarakat Melayu sekitar kurun ke- 15 Masihi mempercayai permainan wau ada kaitannya dengan semangat angin dan langit. Hal ini selari dengan persekitaran hidup masyarakat Melayu yang rapat dengan alam semulajadi. Justeru, nama-nama wau juga diambil juga mempunyai unsur-unsur alam sekitar. Antaranya ialah Wau bulan, Wau Tukung, atau Wau Kekek, Wau Barat, Wau Kucing, Wau Merak, Wau Bayang, Wau Keluang, Wau Daun, Wau Ikan, Wau Puyuh dan Wau Burung. Kesemua jenis-jenis wau ini mempunyai identiti dan reka bentuk tersendiri.

Masyarakat Melayu dan keindahan kraftangan juga tidak dapat dinafikan mempunyai mutu dan kehalusannya tersendiri. Begitu juga dengan wau, dihasilkan dengan teliti dan dihiasi dengan motif yang rapat dengan unsur alam semulajadi seperti unsur flora, fauna dan poligon dengan gabungan warna-warna yang menarik.

Selain itu, permainan wau juga membantu golongan petani untuk mengkaji cuaca kerana wau dapat menentukan sama ada hari akan hujan atau tidak. Secara tidak langsung mereka dapat membuat persediaan untuk memulakan pekerjaan menanam padi. Begitu juga

LAPORAN DOKUMENTASI BENGKEL WAU KREATIF
31 JANUARI 2024
AMERICAN CORNER KELANTAN, PPI UMK BACHOK

dengan golongan nelayan, permainan wau telah menjadi alat menentukan sama ada hari hujan atau ribut akan berlaku. Rumusannya, permainan wau mempunyai falsafah pembuatannya tersendiri dan menjadi identiti warisan masyarakat Melayu sehingga dimartabatkan menjadi simbol negara misalnya logo syarikat penerbangan Malaysia (MAS). Keindahan setiap wau adalah hasil ketelitian, kebijaksanaan dan kesabaran yang tinggi pembuat wau selain dapat menjamin wau terbang dengan cantik.

Wau secara asasnya mempunyai struktur asas yang terdiri daripada bahagian kepala wau, busur atau dengung, sayap wau, torekan atau bahagian pinggang dan ekor (Salina Abdul Manan et. al., 2015). Struktur asas ini akan membantu dalam penghasilan sesebuah wau sama ada wau dalam kategori tradisional mahupun wau kreatif. Kewujudan struktur asas ini membantu seseorang pembuat wau untuk menghasilkan wau dan membolehkan mereka memberikan nilai tambah dengan kreativiti masing-masing.

2.0 JENIS-JENIS WAU

Wau dalam konteks tradisional mempunyai pelbagai bentuk seperti Wau Bulan, Wau Kucing, Wau Jala Budi dan Wau Merak. Bentuk-bentuk wau berkenaan diinspirasi daripada sumber sebenar tetapi direka dalam bentuk wau. Penghasilan wau tradisional ini memerlukan ketelitian yang sangat tinggi bagi memastikan aspek estetika dan keseimbangan wau dapat digabungkan. Hal ini sedemikian kerana apabila sesebuah wau yang dihasilkan hanya berfokus kepada aspek estetika sahaja, kemungkinan untuk berlaku ketidakseimbangan kepada wau berkenaan akan terjadi yang menyebabkan wau tersebut sukar untuk dinaikkan. Wau tradisional lazimnya dihasilkan dengan empat motif asas di dalam penghasilannya iaitu motif bunga, motif abstrak, motif haiwan dan motif geometri. Seseorang pembuat wau yang mahir harus mempunyai daya kreativiti yang tinggi dalam menghasilkan wau yang bermutu tinggi (Salina Abdul Manan, 2015).

Walaupun wau secara aslinya dihasilkan dalam bentuk tradisional, tetapi disebabkan permintaan terhadap wau yang bersesuaian dengan permintaan pada masa kini menyebabkan tukang wau mula menghasilkan wau kreatif. Penghasilan wau kreatif kurang menekankan aspek-aspek estetika seperti ukiran yang terdapat pada wau tradisional. Walaupun sedemikian,

LAPORAN DOKUMENTASI BENGKEL WAU KREATIF
31 JANUARI 2024
AMERICAN CORNER KELANTAN, PPI UMK BACHOK

aspek teknikal wau untuk tujuan dijadikan sebagai alat permainan untuk aktiviti riadah masih diberikan fokus. Oleh itu, pembuat wau mula menghasilkan wau kreatif yang mempunyai kepelbagaian bentuk seperti bentuk kelawar, kapal terbang, ikan pari, kurita, burung dan sebagainya.

3.0 PROSES PEMBUATAN WAU

Proses pembuatan wau bermula dengan penyediaan bahan, pembuatan dan mengimbang wau seperti berikut:

1. Bahan:

- I. Buluh
- II. Pisau
- III. Sarung tangan
- IV. Kain pengalas untuk meraut
- V. Tali *nylon*
- VI. *Fire torch gun*
- VII. Gam
- VIII. Kertas warna

2. Proses Pembuatan:

- I. Pemilihan buluh hendaklah daripada buluh yang kering dan lurus bagi membolehkan proses meraut dapat dilakukan dengan mudah. Selain itu, buluh yang kering juga lebih ringan jika dibandingkan dengan buluh muda yang mempunyai kadar air (kelembapan) yang tinggi.
- II. Buluh akan dibelah mengikut saiz yang ditetapkan iaitu 4 kaki panjang dan lebar mengikut bentuk wau yang dihasilkan untuk dijadikan sebagai tulang utama wau.
- III. Bahagian-bahagian buluh lain untuk aksesori juga diraut untuk membolehkan reka bentuk wau mengikut keinginan dapat dihasilkan.
- IV. Buluh yang telah dibelah seterusnya diraut di bahagian isi buluh (bahagian dalam) sehingga nipis untuk membolehkan buluh tersebut dilentur dan dibentuk mengikut jenis wau yang diinginkan.

LAPORAN DOKUMENTASI BENGKEL WAU KREATIF
31 JANUARI 2024
AMERICAN CORNER KELANTAN, PPI UMK BACHOK

- V. Proses meraut hendaklah dilakukan secara berhati-hati agar bahagian luar buluh (kulit buluh) dapat dikekalkan bagi mengelakkan buluh tersebut patah semasa proses melentur dan membentuk rangka wau.
- VI. Selepas diraut, buluh dibentuk dengan kaedah membakar menggunakan *fire torch gun* (api kecil) bagi tujuan melembutkan urat buluh dan membuang sembilu.
- VII. Seterusnya, buluh ini diuji keseimbangannya bagi memastikan wau boleh diterbangkan dengan baik dan cantik dari segi keseimbangannya.
- VIII. Buluh yang telah diseimbangkan diikat dengan kukuh dan dibentuk untuk menghasilkan rangka utama yang terdiri daripada tulang belakang dan sayap ibu.
- IX. Kemudian, buluh yang telah diraut untuk bahagian aksesori turut diikat di bahagian rangka utama menggunakan tali *nylon* mengikut reka bentuk atau jenis wau kreatif yang diinginkan.
- X. Rangka wau kreatif yang telah diikat kukuh seterusnya dihias dengan menggunakan kertas warna mengikut jenis atau bentuk wau yang diinginkan. Pembuat wau lazimnya menggunakan kreativiti mereka untuk memilih warna-warna yang sesuai agar motif reka bentuk yang ingin ditonjolkan dapat dilihat pada wau yang akan disiapkan.
- XI. Semasa proses menghias, kertas warna yang telah dipilih hendaklah digunting mengikut saiz wau dan mengikut bahagian-bahagian tertentu seperti badan, esok dan sirip sekiranya reka bentuk Wau Ikan yang diinginkan. Begitu juga dengan wau dalam reka bentuk yang lain. Proses ini amat memerlukan kreativiti pembuat wau.
- XII. Kertas warna tersebut seterusnya digam dibahagian rangka dan tali pengikat. Bahagian tulang yang terdedah juga dilapik menggunakan kertas warna yang mempunyai rona warna yang sama untuk memberikan kemas kepada wau yang dihasilkan.
- XIII. Wau juga dihias dengan menambahkan rambu-rambu halus agar lebih menarik dan cantik. Wau yang dihias kertas warna dan digam dibiarkan kering terlebih dahulu bagi memastikan bahagian-bahagian yang digam tidak terkoyak.

LAPORAN DOKUMENTASI BENGKEL WAU KREATIF
31 JANUARI 2024
AMERICAN CORNER KELANTAN, PPI UMK BACHOK

- XIV. Wau yang telah dihias sekali lagi akan diuji keseimbangannya. Jika tidak seimbang, wau tersebut akan dibaiki sehingga mencapai tahap keseimbangan yang diperlukan.
- XV. Setelah diuji keseimbangannya, wau akan dipasangkan tali pengikat serta pemegang. Tali pemegang seterusnya disambung dengan tali untuk menghulur yang mempunyai kepanjangan bergantung kepada pemain wau. Tali yang lazim digunakan adalah tali benang atau tali tangsi. Jenis tali ini juga bergantung kepada saiz wau kerana semakin besar saiz sesebuah wau, daya tolakan angin kepada wau tersebut semakin meningkat. Keadaan ini memerlukan tali yang digunakan adalah tali yang kuat dan tidak terputus apabila ditolak angin yang kuat.

3. Memainkan wau

Wau yang telah siap akan dimainkan di kawasan lapang. Lazimnya, pemain wau akan memilih kawasan lapang seperti tepi pantai atau padang yang luas. Selain itu, kawasan tersebut juga hendaklah berada jauh daripada pokok, bangunan atau tiang elektrik yang tinggi bagi memastikan proses menaikkan wau tidak terganggu. Pemilihan kawasan seperti ini bagi memastikan keselamatan pemain wau dapat dikekalkan. Antara faktor utama yang perlu diambil kira dalam pemilihan kawasan lapang ini adalah bagi membolehkan kawasan tersebut mempunyai tiupan angin yang membolehkan proses menaikkan wau dapat dilakukan. Perkara ini telah dinyatakan oleh Ahmad Safar Arman (2021) bahawa permainan wau memerlukan kawasan berangin. Apabila adanya tiupan angin, tali akan ditarik melawan arus angin dengan cara menghulur dan menarik tali sehingga wau terbang tinggi di udara. Perkara ini turut disokong oleh Razi Said dalam Sarah Mack Lubis (2021) yang menyatakan bahawa permainan wau dimainkan di kawasan yang lapang seperti padang atau kawasan sawah padi. Kawasan ini kebiasaannya tidak ada halangan seperti pokok supaya ia tidak menyebabkan wau tersangkut jika diterbangkan.

Proses menaikkan wau bukanlah satu proses yang mudah. Seseorang yang kurang mahir sukar untuk menaikkan wau kerana mereka perlu peka terhadap arah angin. Kebiasaannya pemain wau perlu lebih dari seorang bagi satu sebuah wau iaitu

LAPORAN DOKUMENTASI BENGKEL WAU KREATIF
31 JANUARI 2024
AMERICAN CORNER KELANTAN, PPI UMK BACHOK

seorang akan mengawal tali (pemain A) dan seorang lagi akan memegang wau (pemain B). Pemain B yang memegang wau akan memegang wau di arah bertentangan dengan angin manakala Pemain A akan menghulurkan tali di arah berlawanan dengan Pemain B. Pemain A seterusnya akan memberikan isyarat kepada Pemain B untuk melepaskan wau dan Pemain A akan mula menarik tali wau agar wau naik melawan arah angin. Pemain A akan terus menarik wau sehingga wau berada dalam keadaan stabil. Pemain A secara perlahan-lahan akan menghulurkan tali wau dan kemudiannya menarik semula agar wau kembali stabil. Proses ini akan berterusan sehingga wau berada pada ketinggian yang dikehendaki dan memasuki ruang udara yang mempunyai kadar tiupan angin yang membolehkan wau kekal seimbang.

Sekiranya proses menaikkan tidak berjaya, kedua-dua pemain perlu mengulangi proses yang sama sehingga wau betul-betul berada pada ketinggian yang seimbang. Apabila wau telah berada dalam keadaan seimbang, pemain lazimnya akan menarik dan menghulur tali wau untuk membolehkan wau bergerak mengikut kehendak pemain. Wau yang telah stabil di ruang udara membolehkan pemain-pemain bertukar antara satu sama lain. Sesebuah wau yang diletakkan busung lazimnya akan menghasilkan bunyi dengung yang akan menambah tarikan kepada permainan wau. Perkara ini telah dikemukakan oleh Ahmad Safar Arman (2021) dengan menyatakan bahawa tali busung adalah untuk mengeluarkan bunyi dengung apabila diterbangkan serta menjadi penghias dada langit. Pemain-pemain wau lazimnya akan saling bersaing dari segi bunyi yang dihasilkan oleh wau serta keindahan corak yang terdapat pada wau berkenaan.

4.0 FUNGSI WAU

Sejajar dengan perubahan masa, wau juga berubah fungsi iaitu tidak lagi dijadikan sebagai permainan utama untuk mengisi masa senggang masyarakat tempatan. Wau dimainkan untuk program atau aktiviti tertentu sahaja seperti pertandingan. Kini wau cenderung dijadikan cenderahati dan perhiasan. Selain itu, reka bentuk wau pula juga sering dijadikan ukiran, motif atau logo koprat.

LAPORAN DOKUMENTASI BENGKEL WAU KREATIF
31 JANUARI 2024
AMERICAN CORNER KELANTAN, PPI UMK BACHOK

5.0 PELESTARIAN WAU

Pada masa kini, tidak dinafikan wau juga diancam kepupusan lantaran modenisasi yang mengubah gaya hidup masyarakat. Kini, wau kurang dijadikan pilihan sebagai permainan di masa senggang ekoran kemasukan permainan moden yang lebih mudah diperoleh dan dimainkan pada bila-bila masa dan di mana jua.

6.0 KESIMPULAN

Wau dicipta berdasarkan daya kreativiti masyarakat Melayu yang berjaya menghasilkan satu permainan masa senggang dengan nilai keindahannya yang tersendiri. Selain itu, wau juga menggambarkan keupayaan masyarakat Melayu menghasilkan permainan menggunakan bahan tempatan dan ilmu mereka. Penghasilan Wau turut membuktikan orang Melayu mempunyai ilmu sains dan matematikanya tersendiri yang dibuktikan dengan daya keseimbangan dan keupayaan menaikkan Wau menggunakan bahan di persekitaran mereka. Penghayatan terhadap keindahan alam sekitar juga diterapkan dalam pembuatan Wau sehingga masyarakat Melayu dapat menghasilkan pelbagai jenis Wau dengan unsur estetikanya yang tersendiri.

Rujukan

- Ahmad Sarfan Arman (2021). "Satu Langit Satu Budaya" dalam *Dewan Budaya*. <https://dewanbudaya.jendeladbp.my/2021/04/13/172/> (akses: 24 Februari 2024)
- Fieda. (2003). *Permainan Wau*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Sarah Mack Lubis (2021). "Mengamati Keindahan Tradisional Wau" dalam *Getaran*. <https://www.getaran.my/artikel/budaya/3985/mengamati-keindahan-tradisional-wau> (akses: 24 Februari 2024)
- Salina Abdul Manan et. al. (2015). "Wau Bulan Kelantan: Keindahan Permainan Tradisi Rakyat" dalam *Warisan Kelantan XXXIV*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.